

04/01/2003

Mengelak kerajaan dijadikan `tebusan'

SEJAK sebelum merdeka, jumlah dokumen perjanjian yang ditandatangani kerajaan dengan pihak lain - sama ada swasta, British dan Singapura - harus mencapai angka ribuan. Perjanjian ini bukan hanya membabitkan Kerajaan Persekutuan, malah kementerian, jabatan serta pelbagai agensi di bawahnya. Sambil kebanyakan perjanjian berkenaan amat telus dan memelihara kepentingan kedua-dua pihak, tidak dinafikan ada yang bersifat berat sebelah selain wujud ruang yang boleh dieksploitasi mengikut keadaan. Apabila ini berlaku, ia menyebabkan kerugian di pihak kerajaan yang ada kalanya terpaksa membayar pampasan walaupun perjanjian yang ditandatangani sejak sebelum merdeka sudah diperhalusi dalam memastikan kepentingan kerajaan terpelihara. Begitu juga kesamaran dan kepelbagaian dari segi interpretasi boleh turut memungkinkan pertikaian kemudian.

Terjadinya keadaan ini mungkin boleh dirumuskan kepada beberapa faktor. Antaranya, perjanjian yang ditandatangani sebelum merdeka mungkin hanya sesuai dengan keadaan ketika itu. Tetapi dengan peredaran masa, kesusutan nilai mata wang serta kuasa membeli, satu perjanjian yang memakan masa panjang akan dirasakan sebagai satu ketidakadilan kepada salah satu pihak kemudian. Perjanjian air 1961 dan 1962 adalah contoh terbaik. Ketika perjanjian termeterai, kadar harga jualan air tiga sen bagi setiap 1,000 gelen kepada Singapura adalah berdasarkan kadar harga pada 1927 ketika sebungkus nasi lemak boleh dibeli dengan harga suku sen. Namun, hari ini, kadar tiga sen itu tidak dapat membeli apa-apa manakala Singapura pula berkeras Malaysia sudah kehilangan hak untuk menyemak semula kadar berkenaan kerana tidak berbuat demikian ketika perjanjian berusia 25 tahun.

Bukan sedikit juga perjanjian yang ditandatangani Malaysia, termasuk dengan Singapura, yang dibuat atas semangat setia kawan dan kejiranan. Atas resmi itu, tentulah Malaysia banyak bertolak-ansur, apatah lagi jika perjanjian dibuat ketika Singapura masih sebahagian daripada Malaysia. Namun, hari ini sudah terbukti semangat setia kawan dan kejiranan tidak dihormati lagi, sebaliknya butir-butir perjanjian dituntut agar dipatuhi tanpa sebarang budi bicara atau kompromi. Sebagaimana didedahkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika perpisahan Singapura dan Malaysia, republik itu berjanji akan mengekalkan segala kemudahan negara ini mengikut perjanjian yang dibuat dengan British dulu. Sebaliknya, Singapura sengaja menaikkan sewa untuk pangkalan tentera laut di Woodlands sehingga kita terpaksa keluar tanpa dibayar satu sen pun.

Atas pertimbangan seperti inilah, pengumuman Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim, kelmarin bahawa semua dokumen perjanjian yang ditandatangani kerajaan dengan pelbagai pihak sejak sebelum merdeka akan dikaji, harus dirasakan kini sebagai satu keperluan mendesak. Apatah lagi, sesetengah rundingan sewaktu perjanjian termeterai dulu, termasuk ketika zaman British, sama ada mengetepi atau mengabaikan kepentingan negara. Jika banyak perjanjian seperti itu yang kini dirasakan sebagai beban, maka kerugian yang mungkin terpaksa ditanggung negara, adalah besar juga. Maka, kajian semula oleh pakar perundangan dalam memperketatkan perjanjian yang dirasakan longgar serta menutup ruang untuk sebarang eksploitasi, perlu dilakukan selain ia dapat menjadi panduan bagi sebarang perjanjian baru yang bakal ditandatangani pada masa depan.

Dalam hubungan ini, perjanjian dengan pemegang konsesi tol turut tidak terkecuali. Kerap berlaku pada masa lalu, pemegang konsesi menuntut

kenaikan kadar tol selepas suatu tempoh tertentu sebagaimana termaktub dalam perjanjian bagi menampung kekurangan pendapatan. Apabila kerajaan terdorong untuk meluluskannya, pengguna lebuhraya pula membantah atas alasan ia membebankan mereka. Dalam keadaan tertentu, kerajaan terpaksa juga memenuhi tuntutan pemegang konsesi sambil dalam keadaan lain pula, kerajaan yang perlu mengeluarkan biaya tambahan apabila akur dengan rayuan pengguna jalan raya. Dengan perjanjian yang lebih kemas kini, masalah seperti ini dapat dielakkan agar kerajaan tidak dijadikan 'tebusan' dalam sebarang keadaan.